

## Niat Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Baharu di Universiti Awam Malaysia

*(Entrepreneurial Intentions Among New Students at Malaysia Public University)*

Nur Hannan Lokman<sup>1</sup> , Noor Azuddin Yakob<sup>2\*</sup> 

<sup>1</sup>Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: nurhannan@ukm.edu.my

<sup>2</sup>Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: azuddin@ukm.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Noor Azuddin Yakob  
(azuddin@ukm.edu.my)

### KATA KUNCI:

Niat keusahawanan  
Sikap  
Norma subjektif  
Tingkah laku  
Pelajar

### KEYWORDS:

Entrepreneurial intention  
Attitude  
Subjective norms  
Behaviour control  
Students

### CITATION:

Nur Hannan Lokman & Noor Azuddin  
Yakob. (2023). Niat Keusahawanan dalam  
kalangan Pelajar Baharu di  
Universiti Awam Malaysia. *Malaysian  
Journal of Social Sciences and Humanities  
(MJSSH)*, 8(2), e002135.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2135>

### ABSTRAK

Peranan keusahawanan dalam pertumbuhan ekonomi tidak dapat dinafikan sumbangannya terutama dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat selepas pandemik COVID-19 melanda dunia. Pendedahan awal kepada belia perlu dilaksanakan agar keusahawanan sentiasa dapat diperkasakan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu di Universiti Kebangsaan Malaysia berdasarkan sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Seramai 395 orang pelajar baharu yang terlibat dalam kajian ini. Analisis korelasi Spearman Rho menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan niat keusahawanan. Di samping itu, hasil analisis regresi ordinal menunjukkan sikap peribadi merupakan faktor peramal yang terdekat bagi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh pihak bertanggungjawab untuk memperkasakan lagi elemen keusahawanan dalam kalangan pelajar yang berkecenderungan dalam bidang keusahawanan.

### ABSTRACT

The role of entrepreneurship in economic growth cannot be denied its contribution especially in improving the standard of living of community after COVID-19 pandemic outbreak. Early exposure especially to the youth needs to be implemented so that entrepreneurship can always empower the community. Therefore, this study aims to identify the entrepreneurial intentions among new students at Universiti Kebangsaan Malaysia based on their personal attitudes, subjective norms and perceived behaviour control. A total of 395 new students were involved in this study. Spearman Rho correlation analysis shows that the

three independent variables have a significant positive relationship with entrepreneurial intention. In addition, the result of ordinal regression analysis shows that personal attitude is the main factor to predict entrepreneurial intentions among students. The findings of the study can be used as a reference by the relevant authorities to enhance entrepreneurship element among students with the indication towards entrepreneurship

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini boleh dijadikan rujukan atau panduan bukan sahaja kepada pihak universiti malah pihak berkuasa dalam merancang intervensi yang sesuai kepada pelajar yang mempunyai niat keusahawanan yang tinggi agar dapat melahirkan lebih ramai graduan yang mempunyai pemikiran holistik.

## 1. Pengenalan

Keusahawanan merupakan salah satu bidang yang sudah tidak asing lagi dan semakin mendapat tempat di mata masyarakat. Pelbagai strategi telah dibangunkan seperti pembentukan polisi dan merangka program berkaitan keusahawanan bagi meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negara. Di Malaysia, bidang keusahawanan menjadi salah satu agenda utama negara untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan melalui Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang dilancarkan pada tahun 2019 ([SME Corporation Malaysia, 2022](#)). Antara objektif utama bagi DKN 2030 adalah untuk membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan serta meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif. Tambahan lagi, Kerajaan Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang 2030 ([Ling, Sahid & Othman, 2022](#)). Oleh itu, menjadi tanggungjawab sekolah serta institusi pengajian tinggi untuk melahirkan usahawan berkualiti ([Kumar & Kurniawan, 2019](#)).

Di peringkat institusi pengajian tinggi pula, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga telah membangunkan beberapa dasar polisi untuk menyokong agenda keusahawanan dalam negara. Bermula dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2010, dasar ini bertujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan dengan terancang dan holistik ([Jabatan Pendidikan Tinggi, 2020](#)) seterusnya disambung oleh Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 dan kemudian Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Selaras dengan dasar tersebut, Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (PTK-IPT) 2021-2025 juga diperkenalkan dalam menyokong agenda negara. Pelaksanaan PTK-IPT 2021-2025 adalah untuk melahirkan lebih ramai graduan yang bercirikan keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari ([Kementerian Pengajian Tinggi, 2021](#)). Selaras dengan usaha kerajaan ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membangunkan Pelan Strategik T.E.R.A.S yang menjadikan keusahawanan sebagai salah satu prakarsa di bawah kebitaraan holistik. Agenda pembangunan buku Pelan Strategik T.E.R.A.S ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan penjanaan pendapatan ([Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022b](#)).

Untuk merealisasikan perkara ini, antara langkah pertama yang dijalankan oleh pihak UKM semasa setiap sesi akademik baru bermula adalah dengan memberi pendedahan awal dengan mewujudkan satu domain yang dikenali sebagai domain keusahawanan semasa minggu orientasi pelajar baharu. Seperti yang dimaklumkan melalui laman

Facebook rasmi UKM, lebih 4000 orang pelajar baharu yang telah mendaftar bagi sesi akademik 2022/2023 ([Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022](#)). Terdapat 9 domain yang dibentuk sebagai salah satu aktiviti orientasi dan pelajar baharu boleh memilih salah satu domain yang diminati. Bagi domain keusahawanan, seramai lebih 400 orang pelajar yang memilih domain tersebut dan berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai keusahawanan. Justeru itu, timbul persoalan apakah perkara yang mendorong pelajar-pelajar baharu untuk memilih domain keusahawanan. Berdasarkan persoalan tersebut, satu kajian telah dijalankan untuk menentukan niat keusahawanan dalam diri pelajar baharu di UKM.

Kajian ini menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang atau lebih dikenali sebagai *Theory of Planned Behavior* (TPB) yang dibangunkan oleh [Ajzen \(1991\)](#) untuk menentukan niat keusahawanan. Menurut [Krueger et al. \(2000\)](#), TPB adalah rangka kerja yang sah untuk menentukan niat keusahawanan seseorang individu. Perkara ini mendapat sokongan daripada [Solesvik et al. \(2012\)](#) apabila mereka menyatakan terdapat hubungan positif antara niat keusahawanan melalui Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behavior* – TPB) seperti sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini telah dijalankan untuk menentukan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu berdasarkan sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah seperti berikut.

- i. Untuk mengenal pasti hubungan antara sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu di UKM.
- ii. Untuk menentukan faktor peramal kepada niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu UKM.

## 2. Kajian Literatur

[Uygun dan Kasimoglu \(2013\)](#) mempercayai bahawa setiap tindakan manusia bermula daripada niat seterusnya niat menghasilkan tingkah laku yang dirancang. Niat keusahawanan merujuk kepada tindakan yang terhasil daripada tingkah laku seseorang individu yang menghasilkan efikasi sendiri individu tersebut ([Douglas & Fitzsimmon, 2008](#)). Manakala menurut [Peng et al. \(2012\)](#), niat keusahawanan merupakan orientasi mental individu yang merujuk kepada keinginan, hasrat dan harapan yang mempengaruhi pilihan individu untuk memilih keusahawanan. [Abd Hadi et al. \(2014\)](#) menggambarkan niat keusahawanan dalam kajiannya sebagai keadaan fikiran seseorang untuk memilih bekerja sendiri daripada bekerja makan gaji. Selari dengan kajian oleh [Zain, Akram dan Ghani \(2010\)](#), niat keusahawanan selalunya melibatkan keberanian dalaman seseorang, cita-cita atau perasaan yang ingin berdikari. [Owoseni dan Akambi \(2010\)](#) menyatakan lagi niat keusahawanan berasal daripada keadaan minda seseorang yang menuju kepada pembangunan dan pelaksanaan tingkah laku.

Dalam kajian-kajian terdahulu, niat keusahawanan ditentukan melalui penggunaan model kecenderungan tingkah laku untuk menjelaskan atau menentukan niat keusahawanan ([Zain, Akram & Ghani, 2010](#)). Antara model yang kebanyakannya diaplikasi dalam kajian adalah model Teori Tingkah Laku Terancang atau lebih dikenali sebagai *Theory of Planned Behavior* (TPB) oleh [Ajzen \(1991\)](#) di mana ianya merangkumi tiga faktor iaitu sikap peribadi (*personal attitude*, PA), norma subjektif (*subjective norm*, SN) dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (*perceived behaviour control*, PBC). Menurut [Nabi dan Holden \(2008\)](#), model ini sama seperti model *Entrepreneurial Event*

oleh Shapero (1982). Krueger dan Carsrud (1993) telah menggunakan model Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) buat pertama kali dalam kajiannya untuk mengukur niat keusahawanan individu. Menurut Fayolle et al. (2006), konsep kawalan tingkah laku atau *perceived behaviour control* (PBC) mempunyai persamaan dengan teori efikasi sendiri oleh Bandura (1982).

Oleh itu sesetengah penyelidik lebih suka menggunakan skala efikasi sendiri berbanding PBC. Namun begitu, Ajzen (1991) menyatakan bahawa konsep PBC lebih luas berbanding efikasi sendiri kerana ianya termasuk ukuran kebolehkawalan. Tambahan lagi, TPB menjelaskan pemahaman dan ramalan ke atas tindakan keusahawanan dengan lebih terperinci, spesifik dan konsisten secara teoretikal (Ramli & Seman, 2020). Oleh itu, Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) telah digunakan secara meluas oleh para penyelidik serata dunia untuk menentukan niat keusahawanan individu dan keseluruhan model adalah penting. Sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dilihat sebagai pendahuluan bagi niat (Ajzen & Fishbein, 2000).

Sikap peribadi merupakan faktor pertama untuk menentukan niat keusahawanan dalam teori Ajzen (1991). Menurut Ramli dan Seman (2020), sikap telah ditakrifkan sebagai tahap penilaian seseorang individu sama ada positif atau negatif terhadap usahawan. Manakala bagi Ryu et al. (2010), sikap adalah ciri yang berkaitan dengan kepercayaan, perasaan dan kecenderungan tingkah laku terhadap sesuatu keadaan. Faktor penentu kedua bagi niat keusahawanan adalah norma subjektif di mana merujuk kepada tekanan sosial yang dirasakan untuk menjalankan tingkah laku keusahawanan atau tidak (Ajzen, 2001). Khususnya, ia merujuk kepada persepsi orang terdekat individu untuk menyokong keputusan menjadi usahawan (Ajzen, 2001). Utami (2017) menyatakan bahawa norma subjektif dianggap penting kerana sebagai nasihat kepada individu untuk melakukan atau tidak tingkah laku tertentu. Dengan erti kata lain, norma subjektif amat penting dalam kehidupan seseorang untuk memberi sokongan kepada individu tersebut dalam membuat apa-apa keputusan, Kawalan tingkah laku yang dirasakan atau *perceived behaviour control* (PBC) ditakrifkan oleh Liñán dan Chen (2009) sebagai persepsi tentang kemudahan atau kesukaran untuk menjadi seorang usahawan.

Pejic Bach et al. (2018) telah menjalankan satu kajian untuk menentukan niat keusahawanan dengan menggunakan kerangka Teori Tingkah Laku Terancang dan gaya kognitif inovatif individu dalam kalangan pelajar perniagaan dan ekonomi di Slovenia. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan mempunyai perkaitan positif dengan niat keusahawanan. Semakin tinggi tahap faktor-faktor tersebut, semakin tinggi seseorang individu untuk membangunkan niat keusahawanan dalam diri (Pejic Bach et al., 2018). Selain tiga-tiga faktor ini, Pejic Bach et al. (2018) juga mengkaji mengenai tahap gaya kognitif inovatif individu di mana ianya juga mempengaruhi niat keusahawanan individu. Mereka mencadangkan bahawa faktor tahap gaya kognitif inovatif individu boleh dikaji dengan lebih mendalam pada kajian masa hadapan kerana pengaruhnya tidak boleh diabaikan. Perkara ini dapat membuka ruang kepada para penyelidik untuk lebih mengkaji mengenai faktor gaya kognitif inovatif individu terhadap niat keusahawanan dalam konteks negara lain.

Setahun kemudian, Usman (2019) juga menjalankan kajian yang sama tetapi dengan melibatkan pelajar di Turki. Kajian Usman (2019) adalah bertujuan untuk mengkaji niat keusahawanan dalam kalangan pelajar antarabangsa di Turki. Dengan menggunakan TPB Ajzen (1991), hasil kajian tersebut mendapati bahawa niat keusahawanan

dipengaruhi secara langsung oleh faktor sikap peribadi dan kawalan tingkah laku yang dirasakan tetapi bukan bagi faktor norma subjektif. Kajian beliau mendapati norma subjektif tidak menyumbang kepada niat keusahawanan dalam kalangan pelajar antarabangsa di Turki. Walau bagaimanapun, pelajar antarabangsa yang didedahkan mengenai pendidikan keusahawanan sama ada secara formal atau tidak formal mempunyai potensi besar untuk menjadi seorang usahawan [Usman \(2019\)](#).

Dalam konteks Asia, [DoanhD \(2021\)](#) telah menjalankan kajian untuk meneroka mekanisme asas khusus di mana faktor kontekstual dinilai ke dalam proses kognitif keusahawanan pelajar di Vietnam. Hasil kajian ini mendapati bahawa sikap peribadi pelajar memberi kesan yang paling kuat kepada niat pelajar untuk menjadi seorang usahawan diikuti oleh efikasi sendiri dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Norma subjektif pula didapati tidak mempunyai perkaitan dengan niat keusahawanan namun memberi kesan secara tidak langsung. Berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh [Utami \(2017\)](#) untuk menentukan pengaruh faktor-faktor ini terhadap niat keusahawanan dalam kalangan pelajar di Timur Jawa, Indonesia. [Utami \(2017\)](#) mendapati bahawa kesemua faktor yang diuji iaitu sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku, pendidikan keusahawanan dan efikasi sendiri mempunyai hubungan positif dan mempengaruhi niat keusahawanan. [Utami \(2017\)](#) menganggap bahawa universiti di Indonesia adalah faktor penggerak untuk memperkasakan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar Indonesia.

Dalam perspektif Malaysia, [Ambad dan Damit \(2016\)](#) dalam kajiannya mendapati faktor sikap peribadi, kawalan tingkah laku dan keamatan sokongan hubungan merupakan peramal bagi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar tetapi bukan faktor sokongan pendidikan dan sokongan agensi di Malaysia. Penyelidik tidak mengkaji norma subjektif kerana keamatan sokongan hubungan mempunyai konsep yang sama di mana ia merujuk kepada sokongan keluarga, kawan dan orang lain untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan ([Turker & Selcuk, 2009](#)). Hasil kajian ini mendapat sokongan daripada [Ramli dan Seman \(2020\)](#) di mana mereka juga mendapati bahawa sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mempunyai hubungan dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir. Hasil dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan penyelidik sebelum ini menjalankan kajian ke atas pelajar universiti yang sudah didedahkan dengan pendidikan keusahawanan di universiti. [Akmaliah dan Hisyamuddin \(2009\)](#) menyimpulkan bahawa kebanyakan pelajar lepasan sekolah menengah cenderung untuk bekerja sendiri tetapi mereka tidak mempunyai keyakinan tinggi untuk menjadi seorang usahawan. Dengan erti kata lain, terdapat perkaitan yang rendah antara sikap dengan niat menjadi usahawan ([Akmaliah & Hisyamuddin, 2009](#)). Tambah [Akmaliah dan Hisyamuddin \(2009\)](#) lagi, pelajar perlu didedahkan dengan pendidikan keusahawanan sejak di bangku sekolah lagi untuk memperkasakan kemahiran dan pengetahuan keusahawanan dalam diri mereka.

Berdasarkan perbincangan literatur di atas, beberapa hipotesis telah dibentuk dalam kajian ini seperti berikut:

- H<sub>0</sub>1: Tiada hubungan antara sikap peribadi dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu.
- H<sub>0</sub>2: Tiada hubungan antara norma subjektif dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu.
- H<sub>0</sub>3: Tiada hubungan antara kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu.

H<sub>04</sub>: Tiada antara pemboleh ubah bebas yang dapat meramal niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu.

Ringkasan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa Teori Ajzen sesuai digunakan untuk meramal niat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji niat keusahawanan dengan menggunakan Teori Tingkah Laku Ajzen dalam kalangan pelajar baharu. [Rajah 1](#) di bawah menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



### 3. Metod Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu berdasarkan sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini dan data dikumpulkan melalui kaedah tinjauan. Setiap sesi akademik baru bermula, pelajar-pelajar Tahun 1 akan mengambil bahagian dalam minggu orientasi pelajar. Salah satu aktiviti semasa minggu orientasi adalah aktiviti domain atau prakarsa di mana mereka boleh memilih salah satu domain yang diinginkan. Antara domain yang boleh dipilih adalah Inovasi, Kepimpinan, Kelestarian, Sukan, Kebudayaan, Kesukarelawan, Keusahawanan, Badan Beruniform dan Nilai Murni. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah melalui borang soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 437 orang pelajar baharu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memilih domain keusahawanan semasa minggu orientasi pelajar melalui teknik persampelan rawak mudah. Daripada 437 orang, seramai 395 orang pelajar yang menjawab soal selidik dan mengambil bahagian dalam kajian ini.

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A adalah mengenai demografi responden manakala Bahagian B diadaptasi daripada TPB oleh [Ajzen \(1991\)](#). Bahagian B tersebut merangkumi 4 dimensi berbeza iaitu sikap peribadi (SP), norma subjektif (NS), kawalan tingkah laku (KTL) dan niat keusahawanan (NK). Dalam kajian ini, sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku merupakan pemboleh ubah bebas dan niat keusahawanan merupakan pemboleh ubah bersandar. Sikap peribadi mempunyai 5 item, norma subjektif mengandungi 3 item manakala kawalan tingkah laku dan niat keusahawanan mengandungi 6 item masing-masing. Kesemua item di Bahagian B menggunakan Skala Likert 7 titik bermula 1=sangat tidak setuju sehingga 7=sangat setuju. [Chua \(2006\)](#) berpendapat bahawa kajian yang menggunakan Skala Likert menyediakan data kuantitatif yang lebih mudah untuk

dianalisis. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 23.0.

Bagi memastikan instrumen yang digunakan mampu difahami oleh responden, ujian kebolehpercayaan atau *reliability* dilakukan terlebih dahulu. Kebolehpercayaan diukur dengan menggunakan kaedah ketekalan dalaman (Pulka, Aminu & Rikwentishe, 2015) manakala pekali *Cronbach Alpha* pula digunakan untuk mengukur ketekalan dalaman instrumen (Ling, Sahid & Othman, 2022). Hal ini demikian kerana pada pendapat Creswell (2012), jika nilai *Cronbach Alpha* lebih tinggi daripada 0.80, maka instrumen itu mempunyai konsistensi yang baik. Ia juga menunjukkan bagaimana perkaitan yang kuat antara item secara berkumpulan (Awan & Ahmad, 2017). Tambahan lagi, Taber (2018) menyatakan bahawa instrumen yang mempunyai nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.80 adalah instrumen yang relevan dan baik. Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* bagi instrumen yang digunakan dalam kajian.

Jadual 1: Nilai *Cronbach Alpha*

Pemboleh ubah	Cronbach Alpha	Jumlah item
Sikap Peribadi	0.827	5
Norma Subjektif	0.801	3
Kawalan Tingkah Laku	0.868	6
Niat Keusahawanan	0.929	6

Sebelum pengujian hipotesis dijalankan, data yang dikumpulkan telah diuji kenormalan terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana untuk menjalankan pengujian hipotesis, penyelidik perlu mengenal pasti sama ada data tersebut tertabur secara normal atau tidak. Kenormalan data boleh diuji melalui beberapa cara seperti ujian kenormalan Kromogorov-Smirnov (KS), Shapiro-Wilk (SW), nilai *skewness*, *kurtosis*, histogram, *stem and leaf*, *boxplot* dan Q-Q plot (Talib, 2017). Kajian ini menggunakan ujian kenormalan Kromogorov-Smirnov. Jika nilai  $p > 0.05$  diperoleh, set data tersebut tertabur secara normal manakala jika  $p < 0.05$ , data tersebut tertabur secara tidak normal (Talib, 2017). Jadual 2 di bawah menunjukkan ujian kenormalan yang dijalankan bagi kajian ini. Hasil ujian kenormalan menunjukkan bahawa data bagi kajian ini tertabur secara tidak normal. Oleh itu, kajian ini menggunakan teknik statistik bukan para metrik untuk menguji hipotesis.

Jadual 2: Ujian kenormalan instrumen

Pemboleh ubah	Kolmogorov-Smirnov		
	Statistik	df	Sig.
Sikap Peribadi	0.100	395	0.000
Norma Subjektif	0.147	395	0.000
Kawalan Tingkah Laku	0.081	395	0.000
Niat Keusahawanan	0.089	395	0.000

## 4. Dapatan Kajian

### 4.1. Latar Belakang Responden

Maklumat latar belakang responden yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan. Jadual 3 menunjukkan dapatan analisis deskriptif latar belakang responden. Berdasarkan Jadual 3, bilangan

pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki iaitu seramai 263 orang (66.6%). Kebanyakan pelajar adalah antara julat umur 18-21 tahun iaitu seramai 355 orang (89.9%) diikuti oleh 21-23 tahun dengan seramai 39 orang (9.9%) dan seorang responden berumur antara 24-26 tahun. Bagi kategori bangsa, majoriti responden terdiri daripada bangsa Melayu dengan seramai 322 orang (81.5%), bangsa Cina seramai 44 orang (11.1%) dan India seramai 12 orang (3%). Terdapat juga dalam kalangan responden merupakan bumiputera Sabah iaitu 10 orang (2.5%) dan bumiputera Sarawak seramai 3 orang (0.8%) manakala lain-lain 4 orang (1%).

Seramai 222 orang (56.2%) responden mempunyai kelayakan akademik matrikulasi sebelum mendaftar di UKM diikuti oleh Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) seramai 87 orang (22%) manakala responden yang mempunyai kelayakan sijil diploma adalah seramai 34 orang (8.6%). Terdapat juga responden yang mempunyai kelayakan akademik asasi iaitu seramai 42 orang (10.6%) dan lain-lain kelayakan akademik seramai 10 orang (2.5%). Daripada kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 113 orang (28.6%) menyambung pelajaran di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan manakala fakulti kedua tertinggi adalah Fakulti Sains dan Teknologi dengan seramai 72 orang (18.2%). Kolej Keris Mas atau KKM mempunyai responden yang paling ramai terlibat bagi kajian ini iaitu sebanyak 58 orang (14.7%) diikuti oleh Kolej Pendeta Za'ba dan Kolej Tun Syed Nasir dengan seramai 55 orang (13.9%) masing-masing.

Jadual 3: Analisis deskriptif latar belakang responden

Latar Belakang	Kekerapan (n=395)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	132	33.4
Perempuan	263	66.6
Umur		
18-21	355	89.9
21-23	39	9.9
24-26	1	0.3
Bangsa		
Melayu	322	81.5
Cina	44	11.1
India	12	3.0
Bumiputera Sabah	10	2.5
Bumiputera Sarawak	3	0.8
Lain-lain	4	1.0
Kelayakan Akademik		
Matrikulasi	222	56.2
Asasi	42	10.6
STPM	87	22.0
Diploma	34	8.6
Lain-lain	10	2.5
Fakulti		
Sains Sosial & Kemanusiaan	29	7.3
Sains & Teknologi	72	18.2
Ekonomi & Pengurusan	113	28.6
Fakulti Farmasi	11	2.8
Fakulti Pengajian Islam	28	7.1
Fakulti Sains Kesihatan	39	9.9
Kejuruteraan & Alam Bina	32	8.1
Fakulti Undang-undang	8	2.0
Fakulti Pergigian	9	2.3

Fakulti Pendidikan	7	1.8
Fakulti Perubatan	10	2.5
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat	33	8.4
Pusat Pengajian Citra Universiti	4	1.0
Kolej		
Kolej Dato' Onn	30	7.6
Kolej Aminuddin Baki	35	8.9
Kolej Ungku Omar	29	7.3
Kolej Burhanuddin Helmi	25	6.3
Kolej Ibrahim Yaakub	35	8.9
Kolej Rahim Kajai	33	8.4
Kolej Keris Mas	58	14.7
Kolej Pendeta Za'ba	55	13.9
Kolej Tun Hussien Onn	30	7.6
Kolej Tun Syed Nasir	55	13.9
Kolej Tun Dr. Ismail	10	2.5

#### 4.2. Hubungan antara Sikap Peribadi, Norma Subjektif dan Kawalan Tingkah Laku dengan Niat Keusahawanan

Oleh kerana data yang dikumpulkan tidak tertabur secara normal, teknik statistik bukan para metrik digunakan untuk menguji hipotesis. Kaedah korelasi Spearman Rho digunakan untuk menentukan hubungan antara sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku terhadap niat keusahawanan dalam kalangan responden. [Jadual 4](#) di bawah menunjukkan hasil analisis korelasi antara ketiga-tiga pemboleh ubah bebas dengan niat keusahawanan. Berdasarkan hasil kajian, terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap peribadi dengan niat keusahawanan ( $r=0.815$ ,  $p<0.01$ ). Dengan kata lain, pelajar yang mempunyai sikap peribadi yang tinggi mempunyai niat yang lebih besar ke arah keusahawanan.  $H_01$  telah ditolak.

Jadual 4: Analisis korelasi antara sikap peribadi dengan niat keusahawanan

Pemboleh ubah	Niat Keusahawanan	
	r	p
Sikap Peribadi	0.815	0.000*
Norma Subjektif	0.461	0.000*
Kawalan Tingkah Laku	0.596	0.000*

\*Nota:  $p \leq 0.01$

[Jadual 4](#) juga menunjukkan hasil analisis antara norma subjektif dengan niat keusahawanan. Berdasarkan hasil kajian tersebut, norma subjektif mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan niat keusahawanan iaitu ( $r=0.461$ ,  $p<0.01$ ). Semakin tinggi norma subjektif bagi diri pelajar, semakin tinggi niat keusahawanan mereka. Hubungan signifikan antara norma subjektif dengan niat keusahawanan menyebabkan  $H_02$  telah ditolak. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan ( $r=0.596$ ,  $p<0.01$ ). Perkara ini menjelaskan lagi bahawa pelajar yang mempunyai tingkah laku yang tinggi mempunyai niat keusahawanan yang tinggi dalam diri mereka. Oleh itu,  $H_03$  dapat ditolak.

#### 4.3. Menguji Sikap Peribadi, Norma Subjektif dan Kawalan Tingkah Laku Sebagai Faktor Peramal Terhadap Niat Keusahawanan

$$NK = \alpha + \beta_1 SP + \beta_2 NS + \beta_3 TL$$

Regresi ordinal digunakan dalam kajian ini untuk menentukan faktor peramal bagi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu. Analisis regresi ordinal dijalankan berdasarkan persamaan di atas yang mana NK mewakili niat keusahawanan,  $\beta_1 SP$  mewakili sikap peribadi, manakala  $\beta_2 NS$  mewakili norma subjektif dan  $\beta_3 TL$  mewakili kawalan tingkah laku. Hasil analisis regresi ordinal bagi kajian ini ditunjukkan dalam [Jadual 5](#) dan [Jadual 6](#) di bawah. Berdasarkan dapatan kajian, *Model Fitting Information* menunjukkan terdapat peningkatan signifikan secara statistik [ $\chi^2(3) = 498.109, p < 0.01$ ] model akhir berbanding model *Intercept Only*. Hal ini demikian kerana berbanding dengan model *Intercept Only* (tiada peramal), model akhir (mengandungi peramal) mempunyai peningkatan ketara dengan pekali penjelasan. Ujian telah diaplikasikan dengan membandingkan *-2 Log Likelihood* pada model akhir. Nilai  $p < 0.01$  menunjukkan terdapat penurunan statistik pada *-2 Log Likelihood* bagi model akhir. Oleh itu, terdapat peningkatan signifikan antara model *Intercept Only* dan model akhir. Perkara ini menjelaskan bahawa model menunjukkan kesesuaian yang baik serta mempunyai keupayaan untuk meramal keputusan.

Tambahan lagi, dapatan ini selari dengan ujian *Goodness-of-fit* seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#). Berdasarkan jadual tersebut, ujian Chi-Square bagi Pearson [ $\chi^2(9204) = 8216.177$ ] dan ujian Chi-Square bagi *Deviance* [ $\chi^2(9204) = 1834.859$ ] serta nilai  $p > 0.01$  menunjukkan kedua-duanya tidak signifikan. Ini bermaksud tiada perbezaan signifikan bagi *observed* data dan *fitted (assumed)* model. Dengan kata lain, data adalah sesuai dengan model. Oleh itu, kedua-dua hasil dapatan ini menunjukkan bahawa model peramal ini dapat membantu dalam meramal niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pseudo R-square digunakan sebagai variasi anggaran dalam pemboleh ubah. Hasil analisis Nagelkerke seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 5](#) di bawah menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 71.8% dalam hasil ramalan berdasarkan peramal dalam perbandingan antara model *Intercept Only* dengan model akhir.

Jadual 5: Analisis Regresi Ordinal Pemboleh ubah Bebas

<b>Model Fitting Information</b>				
<b>Model</b>	<b>-2 Log Likelihood</b>	<b>Chi-Square</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Intercept Only	2386.118			
Final	1888.009	498.109	3	0.000
<b>Goodness-of-Fit</b>				
	<b>Chi-square</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>	
Pearson	8216.177	9204	1.000	
Deviance	1834.859	9204	1.000	
<b>Pseudo R-Square</b>				
Cox and Snell	0.717			
Nagelkerke	0.718			
McFadden	0.204			
<b>Test of Parallel Lines</b>				
<b>Model</b>	<b>-2 Log Likelihood</b>	<b>Chi-Square</b>	<b>df</b>	<b>Sig.</b>
Null Hypothesis	1888.009			
General	1754.215	133.794	78	0.000

[Jadual 6](#) di bawah menunjukkan anggaran model analisis regresi ordinal bagi sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Berdasarkan dapatan tersebut, faktor sikap peribadi mempunyai nilai signifikan  $p < 0.05$  iaitu 0.000. Hal ini

menunjukkan bahawa sikap peribadi merupakan peramal bagi niat keusahawanan. Nilai pekali positif iaitu 2.824 menjelaskan jika pelajar mempunyai sikap peribadi yang tinggi, mereka lebih cenderung untuk mempunyai niat keusahawanan yang tinggi berbanding pelajar yang mempunyai sikap peribadi yang rendah.

Selain itu, kawalan tingkah laku juga merupakan peramal terdekat bagi niat keusahawanan. Hal ini demikian kerana ujian signifikan bagi tingkah laku menunjukkan nilai  $p < 0.05$  iaitu 0.000. Manakala nilai positif 0.912 menjelaskan jika kawalan tingkah laku pelajar tersebut tinggi ke arah keusahawanan, mana niat untuk menjadi seorang usahawan adalah lebih besar. Namun begitu, ujian regresi ordinal menunjukkan norma subjektif bukan peramal signifikan bagi niat keusahawanan. Hal ini kerana nilai signifikan adalah  $p > 0.05$ . Walaupun begitu, nilai pekali positif, 0.103 menjelaskan niat keusahawanan dalam diri pelajar mungkin akan bertambah jika norma subjektif mereka adalah tinggi. Secara ringkasnya, antara ketiga-tiga faktor ini, sikap peribadi merupakan faktor peramal terdekat untuk meramal niat keusahawanan. Faktor sikap peribadi perlu diutamakan dalam penilaian niat keusahawanan seseorang individu.  $H_04$  ditolak bagi analisis ini.

Jadual 6: Anggaran Parameter Analisis Regresi Ordinal Bagi Pemboleh ubah Bebas terhadap Niat Keusahawanan

	<i>Variables</i>	<i>Estimate</i>	<i>Std.Error</i>	<i>Wald</i>	<i>Sig.</i>	<i>95% Confidence Interval</i>	
						<i>Lower Bound</i>	<i>Upper Bound</i>
<i>Location</i>	Sikap Peribadi	2.824	0.186	229.805	0.000	2.459	3.189
	Norma Subjektif	0.103	0.108	0.904	0.342	-0.109	0.315
	Tingkah Laku	0.912	0.113	65.422	0.000	0.691	1.133

## 5. Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah bebas iaitu sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang terdapat dalam model TPB memberi kesan terhadap niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu. Perkara ini menjelaskan bahawa ketiga-tiga faktor ini boleh mempengaruhi niat keusahawanan dalam diri pelajar. Penemuan ini mendapat sokongan kajian yang dilakukan oleh [Al-Jubari et al. \(2019\)](#) serta [Kim dan Lim \(2019\)](#) di mana kebanyakan kajian empirikal mengenai faktor TPB mempunyai kesan positif terhadap niat keusahawanan.

Hasil ujian korelasi Spearman Rho mendapati terdapat hubungan signifikan antara sikap peribadi dengan niat keusahawanan ( $r=0.815$ ),  $p < 0.01$ ). Dengan kata lain, sikap peribadi boleh mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu. Hasil kajian ini konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh [Pejic Bach et al. \(2018\)](#) dan [Utami \(2017\)](#) yang mendapati bahawa sikap peribadi mempunyai hubungan signifikan positif dengan niat keusahawanan. [Pejic Bach et al. \(2018\)](#) menguji faktor bagi TPB termasuk gaya kognitif inovatif individu dalam kalangan pelajar ekonomi dan perniagaan di Slovenia. [Utami \(2017\)](#) juga menjalankan kajian faktor sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku ditambah dengan faktor pendidikan keusahawanan dan efikasi sendiri dalam

kalangan pelajar di Indonesia. Hasilnya menunjukkan bahawa kesemua faktor merupakan faktor penggerak dalam memperkasakan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Walaupun begitu, program latihan diperlukan untuk meningkatkan sikap positif dalam diri individu. [Leong et al. \(2008\)](#) berpendapat bahawa program latihan dan kemahiran adalah penting untuk meningkatkan keupayaan dan menambah sikap positif dalam diri ke arah keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa seseorang individu yang mempunyai sikap lebih positif terhadap keusahawanan lebih cenderung untuk menjadi usahawan.

Di samping itu, hasil ujian korelasi mendapati norma subjektif mempunyai hubungan signifikan positif dengan niat keusahawanan iaitu ( $r=0.461$ ,  $p<0.01$ ). Perkara ini menjelaskan jika seseorang individu mempunyai norma subjektif yang tinggi, mereka mungkin mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi. Sokongan daripada orang sekeliling seperti keluarga, kawan dan orang yang penting dapat memberi pengaruh yang besar terhadap seseorang individu kerana ia boleh mempengaruhi pilihan kerjaya pelajar. Sokongan daripada orang sekeliling telah menyebabkan pelajar lebih berani dalam membuat keputusan untuk menjadi usahawan. Walaupun hasil kajian ini mendapat sokongan daripada [Ambad dan Damit \(2016\)](#), namun ia berlainan dengan kajian oleh [Usman \(2019\)](#). [Usman \(2019\)](#) telah menjalankan kajian ke atas pelajar di Turki dan mendapati norma subjektif tidak menyumbang kepada niat keusahawanan. [DoanhD \(2021\)](#) pula berpendapat walaupun norma subjektif tidak mempunyai hubungan signifikan dengan niat keusahawanan, namun ianya memberi kesan secara tidak langsung.

Seterusnya, dapatan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif antara kawalan tingkah laku dengan niat keusahawanan ( $r=0.596$ ,  $p<0.01$ ). Ini menunjukkan bahawa niat keusahawanan dalam diri pelajar boleh dipengaruhi oleh kawalan tingkah laku. Nilai korelasi positif menjelaskan semakin tinggi kawalan tingkah laku, semakin tinggi niat keusahawanan dalam diri pelajar. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh [Ramli dan Seman \(2020\)](#) dan juga [Souitaris et al. \(2007\)](#) di mana mereka juga mendapati kawalan tingkah laku mempengaruhi niat keusahawanan seseorang individu secara signifikan. Perkara ini mungkin disebabkan oleh seseorang individu merasakan bahawa menjadi usahawan adalah mudah bagi mereka. Oleh itu, tingkah laku mereka lebih cenderung ke arah keusahawanan dan dapat memotivasikan diri untuk menjadi seorang usahawan. Niat keusahawanan juga akan menjadi lebih tinggi jika mereka lebih percaya akan kebolehan dan kemahiran untuk mengawal proses dan menjalankan sesuatu perniagaan ([Ramli & Seman, 2020](#)). Hal ini jelas menunjukkan jika kawalan tingkah laku individu adalah tinggi, maka niat keusahawanan mereka lebih tinggi.

Selain itu, hasil ujian regresi ordinal menunjukkan sikap peribadi dan kawalan tingkah laku merupakan faktor peramal yang terdekat bagi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu manakala norma subjektif bukan faktor peramal. Dengan erti kata lain, sikap peribadi dan kawalan tingkah laku merupakan penyumbang terbesar terhadap niat keusahawanan dalam kalangan pelajar baharu dan sikap peribadi memberi kesan yang paling besar. Hasil kajian ini disokong oleh pelbagai kajian yang lain ([Usman, 2019](#); [Angriawan et al., 2012](#); [Awan & Ahmad, 2017](#)). Kesemua penyelidik ini juga menjalankan kajian yang sama dengan memfokuskan kepada teori TPB di mana mereka juga mendapati faktor sikap peribadi dan kawalan tingkah laku adalah sangat penting dalam menentukan niat pelajar untuk menjadi usahawan. Walaupun norma subjektif

mempunyai perkaitan dengan niat keusahawanan, namun ia bukan penyumbang terbesar kepada niat keusahawanan.

Hal ini demikian kerana walaupun terdapat tekanan sosial atau halangan keluarga, sikap peribadi yang sentiasa positif akan mempengaruhi tingkah laku individu tersebut ke arah keusahawanan. Halangan daripada orang sekeliling tidak akan mengubah niat keusahawanan individu jika sikap peribadi dan kawalan tingkah laku sentiasa tinggi ke arah keusahawanan (Awan & Ahmad, 2017). Walaupun begitu, terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa sokongan daripada orang sekeliling adalah penting kerana dapat membentuk keputusan kerjaya seseorang individu. Tambah Zapkau et al. (2015) lagi, peranan keluarga dan kawan dapat mempengaruhi keputusan para pelajar untuk menjadi usahawan. Perbezaan hasil kajian ini menunjukkan bahawa perlunya kajian berkaitan norma subjektif dalam perspektif yang berbeza bagi niat keusahawanan pada masa akan datang.

## 6. Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini dapat menyumbang bukti empirikal mengenai faktor penentu niat keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi konteks Malaysia. Hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak universiti atau agensi berkaitan keusahawanan bagi membentuk lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana selain kursus akademik keusahawanan, institusi pengajian tinggi atau universiti perlu mempertimbangkan faktor yang lain untuk meningkatkan motivasi pelajar ke arah keusahawanan. Hasil kajian menunjukkan sikap peribadi yang tinggi dalam diri pelajar merupakan peramal terbesar bagi niat keusahawanan. Oleh itu, pihak bertanggungjawab boleh merancang intervensi dan latihan yang sesuai agar perkara ini sentiasa konsisten dalam kalangan pelajar.

Penerapan sikap positif amat penting supaya pelajar bercirikan minda keusahawanan dapat diperkasakan lagi di peringkat institusi pengajian tinggi. Walaupun pelajar tersebut tidak menjadi usahawan semasa dalam pengajian, mereka mungkin akan mengaplikasikan apa yang dipelajari apabila sudah bergraduat. Dengan ini, bilangan graduan yang berjaya dalam bidang keusahawanan dapat ditingkatkan. Sehubungan itu, pihak berkenaan perlu berganding bahu menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya di samping meningkatkan kebolehpasaran graduan serta meningkatkan penajaan pendapatan mereka. Justeru, matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang 2030 dapat direalisasikan.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik dalam kajian ini menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini adalah berdasarkan garis panduan tersebut serta mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan UKM. Di samping itu, kebenaran dan persetujuan semua peserta iaitu pelajar prasiswazah UKM telah diperoleh terlebih dahulu.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Jutaan terima kasih kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada kakitangan UKM-CESMED dan Penolong Dekan Keusahawanan dan Kreativiti (PDKK) setiap fakulti serta Pemudah Cara yang turut membantu dalam melicinkan pelaksanaan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Abd Hadi, A. F., Jabor, M. K., & Ali, D. F. (2014, November). Mengenal pasti kesan pendidikan keusahawanan pada pelajar kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia. In *1st International Education Postgraduate Seminar* (pp. 22-23).
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (2000). Attitudes and the attitude-behavior relation: Reasoned and automatic processes. *European review of social psychology*, 11(1), 1-33.
- Ajzen, I. (2001). Nature and operation of attitudes. *Annual review of psychology*, 52(1), 27-58.
- Akmaliah, Z.P., & Hisyamuddin, H. (2009). Choice of self-employment intentions among secondary school students. *The Journal of International Social Research*, 2(9), 540-549.
- Al-Jubari, I., Hassan, A. & Liñán, F. (2019). Entrepreneurial intention among University students in Malaysia: integrating self-determination theory and the theory of planned behavior. *International Entrepreneurship Management Journal*, 15, 1323-1342
- Ambad, S. N. A., & Damit, D. H. D. A. (2016). Determinants of entrepreneurial intention among undergraduate students in Malaysia. *Procedia economics and finance*, 37, 108-114.
- Angriawan, A., Conners, S. E., Furdek, J., & Ruth, D. (2012). An empirical examination of entrepreneurial intent in the equine industry. *Proceedings of the Academy of Entrepreneurship*, 8(1), 1-8.
- Awan, N., & Ahmad, N. (2017). Intentions to become an entrepreneur: Survey from university students of Karachi. *International Journal of Business, Economics and Law*, 13(2), 19-27.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 37, 122-47.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: McGraw – Hill.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston: Pearson Education Inc.

- DoanhD. (2021). The role of contextual factors on predicting entrepreneurial intention among Vietnamese students. *Entrepreneurial Business and Economics Review*, 9(1), 169-188.
- Douglas, E. J., J. R. & Fitzsimmons, (2008). Individual Intentions Towards Entrepreneurship vs Intrapreneurship. *Proceedings of the 5th Australian Graduate School of Entrepreneurship International Entrepreneurship Research Exchange*, 937-951.
- Fayolle, A., Gailly, B., & Lassas-Clerc, N. (2006). Assessing the impact of entrepreneurship education programmes: a new methodology. *Journal of European Industrial Training*, 30(9), 701-720.
- Jabatan Pendidikan Tinggi. (2020). Dasar Pembangunan Keusahawanan. *Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi*. Di akses daripada <https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/graduan/44-dasar-pembangunan-keusahawanan>
- Kim, Y.J. & Lim, J.Y. (2019). Factors Influencing Entrepreneurial Intention of Nursing Students Based on Theory of Planned Behavior. *Journal of Korean Academy Nursing Administration*, 25(3), 175-185.
- Kumar, S., & Kurniawan, D. (2019). The Relationship between Entrepreneurial Education, Family Background, Innovativeness, and Entrepreneurial Capabilities Toward Entrepreneurial Intention. In *The 3rd International Conference on Family Business and Entrepreneurship*, 631-642.
- Krueger, N. F., & Carsrud, A. L. (1993). Entrepreneurial intentions: Applying the theory of planned behaviour. *Entrepreneurship & regional development*, 5(4), 315-330.
- Krueger Jr, N. F., Reilly, M. D., & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. *Journal of business venturing*, 15(5-6), 411-432.
- Leong, C. K. (2008). *Entrepreneurial intention: an empirical study among Open University Malaysia (OUM) students*. [Doctoral dissertation]. Open University Malaysia (OUM).
- Liñán, F., & Chen, Y. W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship theory and practice*, 33(3), 593-617.
- Ling, L. S., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3).
- Nabi, G. & Holden, R. (2008). Graduate entrepreneurship: Intentions, education and training. *Education and Training*, 50 (7), 545-551.
- Owoseni, O. O., & Akambi, P. A. (2010). Entrepreneurial intentions: A theoretical framework. *Journal of management and corporate governance*, 2(4), 132-148.
- Pejic Bach, M., Aleksic, A., & Merkač-Skok, M. (2018). Examining determinants of entrepreneurial intentions in Slovenia: applying the theory of planned behaviour and an innovative cognitive style. *Economic research-Ekonomska istraživanja*, 31(1), 1453-1471.
- Peng, Z., Lu, G., & Kang, H. (2012). Entrepreneurial intentions and its influencing factors: A survey of the university students in Xi'an China. *Scientific Research Journal*, 3(08), 95.
- Pulka, B.M, Aminu, A.A. & Rikwentishe, R. (2015). The Effects of Entrepreneurship Education on University Students' Attitude and Entrepreneurial Intention. *European Journal of Business and Management*, 7(20), 149-157.
- Ramli, N. J., & Seman, N. A. A. (2020). Kajian Mengenai Niat Keusahawanan Mengikut Teori Tingkah Laku Terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984-998.

- Ryu, K., Han, H., & Jang, S. (2010). Relationships among hedonic and utilitarian values, satisfaction and behavioral intentions in the fast-casual restaurant industry. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 22(3), 416-432
- SME Corporation Malaysia. (2022). Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030). *SME Corporation Malaysia*. Diakses daripada <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2015-12-21-09-09-50/about-dkn2030>
- Shapero, A. (1982). Social dimensions of entrepreneurship. In C.A. Kent et al. (Eds.) *The Encyclopaedia of Entrepreneurship*, pp 72-89.
- Solesvik, M. Z., Westhead, P., Kolvereid, L., & Matlay, H. (2012). Student intentions to become self-employed: the Ukrainian context. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 19(3), 441-460
- Souitaris, V., Zerbinati, S., and Al-Laham, A. (2007). Do entrepreneurship programmes raise entrepreneurial intention of science and engineering students? The effect of learning, inspiration and resources. *Journal of Business venturing*, 22(4), 566-591.
- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.
- Talib, O. (2017). *Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*. MPWS Rich Publication.
- Turker, D., & Selcuk, S.S. (2009). Which factors affect entrepreneurial intention of university students? *Journal of European Industrial Training*, 33(2), 142 – 159.
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2022a). *Pelan Strategik T.E.R.A.S (2021-2015)*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Diakses daripada <https://www.ukm.my/strategi-ukm/pelan-strategik-t-e-r-a-s-ukm-2021-2025-ukm/>
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2022b). *Pendaftaran Pelajar Sesi Akademik 2022-2023*. Dalam laman *Facebook* Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses pada 19 Oktober 2022, daripada <https://www.facebook.com/UKMOfficial>
- Usman, B. (2019). Understanding the entrepreneurial intention among international students in Turkey. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 9(1), 1-21.
- Utami, C. W. (2017). Attitude, subjective norms, perceived behavior, entrepreneurship education and self-efficacy towards entrepreneurial intention university student in Indonesia. *European Research Studies Journal*, 20(24), 475-495.
- Uygun, R., & Kasimoglu, M. (2013). The emergence of entrepreneurial intentions in indigenous entrepreneurs: The role of personal background on the antecedents of intentions. *International Journal of Business and Management*, 8(5), 24.
- Zain, Z. M., Akram, A. M., & Ghani, E. K. (2010). Entrepreneurship intention among Malaysian business students. *Canadian social science*, 6(3), 34-44.
- Zapkau, F. B., Schwens, C., Steinmetz, H., & Kabst, R. (2015). Disentangling the effect of prior entrepreneurial exposure on entrepreneurial intention. *Journal of Business Research*, 68(3), 639-653.